

Timbalan CEO kajian, pendidikan SingHealth bersara

TIMBALAN ketua eksekutif kumpulan kajian dan pendidikan SingHealth, Profesor Soo Khee Chee, akan bersara Ahad ini selepas berdekad lamanya berkhidmat kepada bidang kesihatan.

Tempatnya bakal diambil alih pengarah perubatan Pusat Mata Nasional Singapura (SNEC) dan pengerusi akademik di SingHealth Duke-NUS Optalmologi dan Program Klinikal Akademik Sains Visual, Profesor Wong Tien Yin.

Profesor Wong akan menjadi timbalan CEO kumpulan SingHealth dalam kajian dan pendidikan mulai 1 Januari.

Sewaktu menyandang jawatan tersebut, Profesor Soo menjalin kerjasama dengan rakan industri yang



DIGANTIKAN: Profesor Soo (*kiri*) akan bersara Ahad ini. Menggantikan tempatnya ialah Profesor Wong Tien Yin, bermula 1 Januari. – Foto SINGHEALTH

membawa kepada perkembangan dalam bidang jagaan klinikal. Beliau juga memperkenalkan budaya akademik kukuh serta membentangkan asas kajian yang sihat, kata ke-

nyataan SingHealth semalam. Beliau juga bertanggungjawab atas kerjasama SingHealth dengan Universiti Duke North Carolina, dan membawa masuk Sekolah Perubatan

Duke-NUS ke Kampus Hospital Besar Singapura (SGH).

Di bawah kerjasama dengan Duke-NUS, institut bersama seperti Institusi Pendidikan Perubatan Akademik dan Institut Kajian Perubatan Akademik ditubuhkan bagi menyelaraskan pembelajaran dan pertukaran.

Profesor Soo pengarah pengasas di Pusat Barah Nasional Singapura (NCCS) sejak 1998. Beliau melepaskan jawatan tersebut pada 26 November lalu.

Beliau telah menerajui pembangunan NCCS hingga menjadi sebuah institusi barah utama di Singapura dan luar negara.

Beliau juga mempunyai minat mendalam untuk membentuk generasi akan datang serta memimpin saintis klinis mencapai kejayaan dalam kajian.